

20 OCT 2003

MAHATHIR-GLOBALISASI/I

DR MAHATHIR: NEGARA MEMBANGUN DIANCAM GLOBALISASI YANG TIDAK DIKAWAL

Oleh: Siti Hawa Othman

BANGKOK, 20 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberi amaran berhubung dengan globalisasi yang tidak dikawal, sambil mengatakan yang negara-negara membangun merasa terancam jika saingan bebas itu memaksa negara-negara membangun bersaing dengan negara-negara yang lebih maju.

Beliau berkata agenda globalisasi tidak seharusnya dibuat sewenang-wenangnya, sebaliknya "negara-negara membangun sepatutnya dibenarkan melindungi perniagaan mereka sehingga mereka benar-benar kukuh."

Berucap pada kira-kira 500 pemimpin industri pada sidang Ketua-ketua Pegawai Eksekutif (CEO) mengenai globalisasi dan cabaran-cabarannya di sini hari ini, Dr Mahathir menyarankan perdagangan yang lebih adil di bawah globalisasi.

Ini merupakan pilihan yang lebih baik berbanding perdagangan bebas memandangkan perdagangan yang adil akan mengambil kira kelemahan negara-negara membangun, kata beliau dalam sesi yang turut dihadiri oleh Presiden Chile Ricardo Lagos dan Perdana Menteri New Zealand Helen Clark.

Persidangan bersama CEO itu berlangsung selama dua hari mulai semalam dan diadakan bersempena dengan Mesyuarat Ketua-Ketua Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang bermula di sini hari ini (Isnin).

"Kami mahu melihat perdagangan yang adil bukan perdagangan bebas. Perdagangan yang adil dan saksama boleh jadi bebas tetapi perdagangan bebas boleh jadi tidak adil," kata beliau.

Dr Mahathir, yang kehadirannya pada persidangan tidak rasmi Apec tahun ini merupakan yang terakhir sebagai Perdana Menteri kerana beliau akan bersara pada akhir bulan ini berkata, disebabkan senario seumpama ini, negara-negara membangun mahu melihat perdagangan yang adil dan saksama dalam agenda-agenda Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Beliau berkata yang negara-negara membangun tidak boleh bersetuju di Cancun kerana mereka mahu dibolehkan mencadangkan agenda mereka sendiri iaitu adil dan sama dengan mengambil kira kekuatan dan perbezaan masing-masing.

"Kita tidak boleh ada kesilapan iaitu mengadakan satu agenda yang sesuai untuk semua dasar perdagangan," kata beliau.

"Dalam perdagangan yang lebih adil, kelemahan kita sendiri akan diambil kira. Kita tidak berada dalam kedudukan untuk bersaing tanpa sebarang kelebihan diberikan kepada kita," kata beliau.

Beliau membuat penyamaan bagaimana rakyat Malaysia yang bermain bola sepak Amerika patut diberikan "handicap" seperti mana dalam permainan golf, mereka (rakyat Malaysia) sudah tentu tentu tidak boleh menyaingi rakyat Amerika dalam permainan yang tidak pernah mereka ceburi langsung.

Negara-negara turut diancam oleh penyatuan dan penggabungan perbadanan-perbadanan utama, yang mencerooboh pasaran-pasaran domestik mereka sekali gus menyebabkan perbadanan-perbadanan tempatan kecundang di tempat sendiri.

"Kita telah sedia dieksploitasi tetapi kita mestilah dieksploitasi secara adil. Tetapi, mereka beritahu kita, kita tidak cukup cekap," kata beliau.

Dr Mahathir berkata maruah negara sentiasa tersemat dengan negara-negara mahu mempunyai sesuatu milik mereka dan mahu melakukan sesuatu mengikut cara mereka.

"Contohnya, untuk membolehkan kita berkata ..., oh, batang mancis itu dibuat di Malaysia. Itu sesuatu yang amat membanggakan, walaupun ia kecil

tetapi itu hak kita," serupa seperti seorang bapa yang bangga dengan anak gadisnya yang cantik, walaupun kecil tetapi adalah zuriatnya.

Mengimbas semula sejarah, beliau berkata globalisasi yang bakal muncul telah direalisasikan oleh negara-negara maju memandangkan negara-negara membangun begitu sibuk menguruskan ekonomi dan masalah domestik mereka daripada memikirkan mengenai globalisasi.

Sehubungan dengan itu, agenda-agendanya telah disediakan oleh negara-negara maju, yang memikirkan perkara-perkara yang dekat dengan diri mereka, sekali gus memberikan mereka keputusan maksimum termasuklah perdagangan bebas, akses ke semua sudut dunia, mengurangkan halangan dan rintangan, membiarkan orang-orang yang cekap menang dan melakukan perkara-perkara yang memberi manfaat kepada diri mereka sendiri.

Pada masa lepas, adalah mudah untuk berurusan dengan halangan, contohnya dengan menguasai negara-negara ini, menjadikan mereka koloni dan memantau perdagangan mereka, kata beliau secara berseloroh dengan disambut tepukan para hadirin.

"Bagaimana, kini terdapatnya WTO dan negara-negara membangun mahu membawa agenda mereka ke meja perundingan untuk didebatkan tetapi gagal.

"Kita yang menjadi mangsa dan kemudiannya kita membantah di Cancun. Kita menolak agenda mereka tetapi tidak guna menolak agenda itu jika kita tidak ada agenda sendiri," kata beliau. -- BERNAMA

SHO MR MKO AA